

LAMPIRAN 1

GARIS PANDUAN DAN SYARAT PENULISAN ARTIKEL

Syarat dan Format Penulisan:

1. Asli (belum diterbitkan dalam mana-mana penerbitan dalam dan luar negara atau dalam proses *review*).
2. Artikel berbentuk artikel penyelidikan atau kertas konsep berkaitan bidang Pendidikan.
3. Penulisan antara 4000 - 5000 patah perkataan termasuk rujukan dan lampiran iaitu maksimum **sepuluh** muka surat.
4. Penulisan yang berbentuk empirikal perlulah mempunyai abstrak,
5. Ditaip langkau satu baris (*single spacing*) termasuk pada tajuk, jadual / rajah, abstrak dan *abstract*.
6. Tulisan di dalam rajah/jadual adalah font 10.
7. Ditaip menggunakan *Times New Roman*, font 10.
8. Jarak satu baris (*1.0 lines*) di antara perenggan.
9. Setiap muka surat mempunyai nombor di bahagian atas kanan. (diuruskan oleh urusetia)
10. Guna laras bahasa ilmiah. Tatabahasa baik dan pilihan kata sesuai. Penggunaan istilah selaras dan kemas kini. Tiada ayat kompleks yang sukar difahami. Tiada ayat tergantung. Tiada *jargon* iaitu perkataan atau ekspresi teknikal yang sukar difahami.
11. Penulisan artikel haruslah mengikut format penulisan *American Psychological Association (APA) 7th edition*.
12. Penghantaran artikel perlu mengikut format dan *e-template* penulisan artikel jurnal JAUHARI. Maklumat boleh didapati daripada kod QR berikut:



13. Artikel juga boleh dihantar dalam bentuk salinan lembut (*softcopy*) *Microsoft Word* ke emel berikut : jurnaljauhariipgkpi@gmail.com
14. Tarikh akhir penghantaran artikel ialah pada **30 April 2024**

Tajuk tidak lebih 12 perkataan, (Times New Roman, font 10) *centre, bold, Capitalize Each Word*

Nama Penyelidik Utama
Alamat e-mel
Nama Penyelidik Kedua
Alamat e-mel
Jabatan dan Institut / Universiti

Abstrak (Bahasa Melayu - *centre, bold, Sentence case*)

(Kandungan Abstrak: Ayat Pengenalan; Tujuan Kajian; Metodologi; Dapatan Utama; Implikasi Kajian)
(tidak lebih 150 perkataan-cadangan 150-200)

Kata kunci: (Lima perkataan atau frasa yang merupakan fokus kajian - (tidak *bold, Sentence case*)

Abstract (Bahasa Inggeris - *centre, italic, Sentence case, bold*)
(not more than 150 words)

Keywords: (Five words or phrases which your research focuses on – *italic, tidak bold, Sentence case*)

(Sub-topik Pengenalan tidak ditaip kerana dianggap *redundant* oleh format APA tetapi kandungan pengenalan perlu ada iaitu:

- Penerangan umum tentang tajuk kajian.
- Konteks kajian seperti lokasi, dan responden yang terlibat.
- Signifikan kajian iaitu kepentingan isu dan kepentingan membuat penambahbaikan)

Permulaan perenggan perlu *indent right*

Penyataan Masalah (*Centre, bold, Capitalise Each Word*)

(Menjelaskan masalah yang menjadi fokus kajian. Mengemukakan rujukan yang relevan berkaitan masalah tersebut. Mengetengahkan lompong yang wujud.)

Objektif Kajian (*Centre, bold, Capitalise Each Word*)

(Merupakan objektif yang ingin dicapai oleh penyelidik melalui kajian)

Permulaan perenggan perlu *indent right*

Soalan Kajian (*Centre, bold, Capitalise Each Word*)

(Menulis semula objektif kajian kepada bentuk ayat persoalan)

Permulaan perenggan perlu *indent right*

Tinjauan Literatur (*Centre, bold, Capitalise Each Word*)

(Mendefinisikan konsep-konsep penting yang digunakan dalam kajian. Menjelaskan fokus kajian berdasarkan teori/model. Merumus dan mengkritik kajian-kajian lepas dengan mengemukakan kelemahan dan kelebihan. Berdasarkan kritikan tersebut, bincangkan jurang yang ada untuk menjustifikasi keperluan melaksanakan kajian ini).

Permulaan perenggan perlu *indent right*

Metodologi Kajian (*Centre, bold, Capitalise Each Word*)

Reka Bentuk Kajian (*Align left, bold, Title Case*)

(Memberi rasional bagi reka bentuk yang dipilih)

Permulaan perenggan perlu *indent right*

Pensampelan (Jika kajian kualitatif, Pensampelan ditukarkan kepada Peserta Kajian) (*Align left, bold, Capitalise Each Word*)

(Butir-butir responden/peserta kajian yang terlibat, seperti jantina, kelas, kriteria pemilihan, prestasi, dan sebagainya).

Permulaan perenggan perlu *indent right*

Pengumpulan dan Penganalisisan Data (*Align left, bold, Capitalise Each Word*)

(Menjelaskan teknik kutipan data atau instrumen kajian dan tempoh kerja lapangan. (Melaporkan tentang kajian rintis yang telah dilaksanakan, jika berkenaan. Terangkan analisis yang dilaksanakan secara kualitatif dan/atau kuantitatif. Sekiranya secara kuantitatif, terangkan statistik yang digunakan. Jika melibatkan skor min, sertakan jadual interpretasi nilai min dan nyatakan sumbernya jika berkenaan).

Permulaan perenggan perlu *indent right*

Dapatkan Kajian

(sekiranya kajian berbentuk kualitatif, sub-topik ialah **Dapatkan dan Perbincangan** kerana perlu digabungkan)

(*Centre, bold, Capitalise Each Word*)

(Dapatkan kajian dikaitkan dengan soalan kajian berdasarkan analisis yang dibuat terhadap data yang dikutip. Kemukakan semua dapatkan kajian sekiranya ada, daripada pelbagai jenis responden serta kaedah pengumpulan data yang berbeza (kualitatif dan kuantitatif), jika berkenaan. Mengandungi jadual/rajah yang relevan bagi menjawab soalan kajian kuantitatif. Jadual dan rajah dinomborkan dan tidak mengandungi kesalahan fakta, pentafsiran atau pengiraan. Pastikan penjelasan dapatkan kajian dapat memberi satu gambaran yang menyeluruh kepada pembaca, di samping meningkatkan kefahaman mereka tentang isu yang dikaji).

Permulaan perenggan perlu *indent right*

Perbincangan dan Cadangan (*Centre, bold, Capitalise Each Word*)

(Perbincangan tentang dapatkan kajian dikaitkan dengan dapatkan kajian-kajian lepas yang relevan yang telah dinyatakan dalam tinjauan literatur.

Menyuarkan pemahaman baharu dan menonjol berkaitan dengan isu kajian, serta membuat perbandingan dengan perspektif sedia ada dalam tinjauan literatur.

Mengemukakan implikasi dapatkan kajian.

Memberi cadangan berdasarkan dapatkan kajian).

Permulaan perenggan perlu *indent right*

Kesimpulan (*Centre, bold, Capitalise Each Word*)

(Buat kesimpulan dalam satu atau dua perenggan sahaja. Rumuskan dapatkan kajian. Kemukakan implikasi kajian terhadap amalan, dasar, program dan/atau perkhidmatan. Cadangkan kajian lanjutan yang akan dilaksanakan atau yang boleh dilaksanakan oleh penyelidik lain).

Permulaan perenggan perlu *indent right*

Rujukan (*Centre, bold, Sentence case*)

Sepuluh dan lebih rujukan.

Relevan (Sekiranya berbentuk kajian, tidak lebih lima tahun daripada tahun semasa);

Semua rujukan dalam teks disenaraikan dengan lengkap di akhir penulisan mengikut format APA 7.0.

Semua rujukan yang disenaraikan hendaklah mengikut format APA 7.0

Cara penulisan jadual

Jadual 1(tidak *centre*, tidak *italic*, tidak *bold*, *tiada ‘:’*)

Tajuk tidak diletakkan sebaris dengan label jadual, tetapi diletakkan di bawah (tidak *centre*, *italic*, tidak *bold*, *Capitalize Each Word*)

Contoh :

Jadual 5
Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Komitmen Kerja Guru.

Dimensi	Jumlah item	Nilai cronbach alpha (α)
Komitmen kepada sekolah	9	0.911
Komitmen kepada murid	9	0.947
Komitmen kepada profesi	7	0.880
Komitmen kerja guru keseluruhan	25	0.957

Sumber: Soal selidik 2020.

Cara penulisan rajah :

Rajah 1 (tidak *centre*, tidak *italic*, tidak *bold*, tidak *uppercase*, *tiada ‘:’*)

Tajuk tidak diletakkan sebaris dengan label rajah, tetapi diletakkan di bawah (tidak *centre*, *italic*, tidak *bold*, *Capitalize Each Word*).

Rajah 1
Kerangka Konsep Kajian.

